



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **USAHA KPWKM MEMBANTU MANGSA YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR YANG MELANDA PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

Saya mengambil maklum mengenai banjir berskala besar yang sedang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu. Setakat jam 4.00 petang ini, seramai 34,970 mangsa membabitkan 10,382 keluarga dilaporkan terjejas akibat banjir.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah meluluskan Perolehan Darurat sebanyak Lima Ratus Ribu ringgit (RM 500,000) bagi membiayai keperluan segera dan bantuan kepada mangsa banjir di Negeri Terengganu dan Kelantan. Peruntukan ini adalah untuk memastikan barangan keperluan tambahan di stor, mini depoh dan pangkalan hadapan di daerah-daerah yang terjejas sentiasa tersedia.

Berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, luruan angin dan hujan lebat di Pantai Timur dijangka berterusan sehingga 21 Disember 2022. Kejadian ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan kawasan-kawasan yang akan turut terjejas.

Petugas-petugas JKM akan terus memantau dan bersiap sedia sepanjang masa di kawasan yang terlibat.

Berhubung isu terputus pergerakan di Hulu Besut, mesyuarat bersama Ketua Polis Negeri dan Ketua Jabatan Negeri telah diadakan petang tadi dan telah diputuskan seperti berikut :

- i. Jabatan BOMBA dan Penyelamat akan menggunakan helikopter untuk membantu JKM menghantar barang.
- ii. Agensi seperti JKR, Jabatan Pertanian dan Majlis Daerah Kuala Terengganu yang mempunyai kenderaan besar/lori besar akan berkumpul di Depoh Bencana JKM Marang untuk membantu mengagihkan makanan dan barangan.
- iii. Bagi mangsa yang tidak sempat berpindah ke PPS, boleh berkumpul di premis awam lain seperti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan JKM dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) akan daftarkan PPS secara ad-hoc untuk mereka mendapatkan makanan dan keperluan asas.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**19 Disember 2022**